



CENDERIA HATI ... Raime (kiri) menerima cenderahati daripada Dr. Lim (kanan).



KENANGAN BERSAMA ... Raime merakamkan kenangan bersama dengan pensyarah dan para Pelajar Tahun 2, Kejuruteraan Awam UMS.

Berpolitik secara sihat dalam kampus: Raime

NST 15.05.2012 8

OLEH MIZRON MARALANG
mizron@newsabahtimes.com.my

TENOM: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah dinasihati berpolitik secara sihat dalam kampus dan jangan melibatkan diri dalam politik kotor seperti yang dilakukan oleh pihak pembangkang.

Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi, berkata golongan mahasiswa jangan mudah dipolitikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan politik mereka.

Katanya, amalkan politik yang sihat dan terapkan nilai-nilai murni dalam diri untuk menjadi seorang warganegara yang mempunyai akhlak yang baik.

“Untuk menjadi modal insan yang baik, mahasiswa perlu mempunyai prinsip untuk terus belajar dan menimba ilmu sebanyak yang mungkin.

“Pada masa sama, rela dalam memperjuangkan nasib masyarakat khususnya masyarakat di luar bandar dalam aspek pendidikan.

“Ini membuktikan bahawa pihak universiti di Malaysia ini khususnya Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melahirkan modal insan yang tidak hanya memfokuskan kepada pelajaran semata-mata,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap

sempena Majlis Jamuan Makan Malam Bersama Pelajar Kejuruteraan Awam UMS, di Taman Pertanian Sabah, Lagud Sebrang pada malam Ahad.

Beliau menambah, kerjasama dan komitmen yang padu dalam kalangan AJK pelaksana dalam menjayakan ini amatlah terpuji kerana program sebegini mampu membangunkan masyarakat kita khususnya masyarakat di luar bandar.

“Program sebegini akan menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan prestasi dalam bidang akademik yang sememangnya dititikberatkan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan modal insan yang bakal memacu kecemerlangan negara kita.

“Selain itu, program sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan mahasiswa, pensyarah, pemimpin dan masyarakat di daerah Tenom amnya walaupun kita terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya,” katanya.

Seramai 49 orang mahasiswa UMS Tahun 2 dalam bidang Kejuruteraan Awam yang menyertai Program Lawatan ke Empangan Hidro Tenom Pangi dan Taman Pertanian Sabah selama dua hari bersama dua orang pensyarah iaitu Penasihat Kelab Kejuruteraan Awam UMS, Dr.Lim Yee Yan dan Pensyarah Teknologi Elektrik, Dr.Rosalyn Porle.